

Mahathir 2018 dan Sukarno 1965



Suasana politik Malaysia pada September 2018 ini seolah-olah menyamai iklim politik Indonesia pada September 1965. Apakah persamaan antara kedua-duanya?

Umum mengetahui bahawa Indonesia saban tahun mengenang Peristiwa Gestapu (Gerakan September Tiga Puluh) sebagai kemuncak kepada runtuhnya pakatan politik Presiden Sukarno.

Di mana persamaannya dengan realiti kerajaan Pakatan Harapan pimpinan Tun Mahathir hari ini? Ada dua persamaan yang jelas: pertama ialah keberadaan pemimpin utama; kedua, pemimpin utama tersebut dikelilingi parti dan individu yang saling bersaing dengan cukup agresif.

Sukarno ialah seorang pemimpin revolusioner yang cukup terkenal dengan pidato yang membangkitkan semangat perjuangan. Tun Dr Ma-

hathir pula sedikit berbeza - lebih terkenal sebagai seorang pemimpin yang menyampaikan ucapan ber wawasan, dan tidaklah berapi-api.

Disebabkan rekod pemodenan Malaysia sepanjang 22 tahun dahulu, Tun M berjaya sekali lagi menjadi Perdana Menteri dengan menumbangkan parti dominan Barisan Nasional yang telah berkuasa tanpa gagal sejak merdeka. Jika Tun M dikenali sebagai Bapa Pemodenan Malaysia, Sukarno pula dikenali sebagai Bapa Kemerdekaan Indonesia.

Tidak cukup setakat itu, apabila berjaya mencapai kemuncak kuasa Sukarno jugalah yang memperjuangkan hak negara-negara dunia ketiga serta mengkritik neokolonialisme dan neoimperialisme kuasa Barat. Malah, Tun Mahathir sendiri pernah digelar sebagai 'Little Sukarno' dek kelantangan beliau mengkritik kuasa-kuasa Barat.

Gabungan kesemua faktor ini telah menjadikan kedua-dua Sukarno dan Tun Mahathir sebagai pemimpin utama di dua masa dan tempat yang berbeza. Lalu bagaimana boleh terjadi peristiwa Gestapu

hinggakan Sukarno hilang kuasa? Adakah Pakatan Harapan pimpinan Tun M hari ini juga sedang menuju ke jalan yang sama?

Dalam mewujudkan sebuah negara bangsa yang bersatu-padu serta kerajaan yang kuat, Sukarno terpaksa mengimbangi kewujudan pelbagai parti dan pihak yang berpengaruh. Antara yang paling utama ialah tentera, Partai Komunis Indonesia (PKI), Nasionalis, dan juga Islamis.

Hasilnya, Sukarno mengubah struktur asas demokrasi berparlimen kepada 'Demokrasi Terpimpin' dengan tiga unsur konsep politik utama digabungkan: nasionalisme, agama, dan komunis (Nasakom).

Hari ini Tun Mahathir juga berhadapan cabaran yang serupa - Parti Pribumi Bersatu berpegang pada nasionalisme Melayu-Bumiputera; Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang paling dominan di Parlimen pula berpegang pada agenda Reformasi serta visi Anwar Ibrahim; Parti DAP pula dengan demokratik sekular dan Bangsa Malaysia; manakala Parti Amanah Negara dengan falsafah

'Islam sebagai rahmat untuk sekalian alam'

Tidak hanya sekadar di atas kertas, perbezaan antara komponen Pakatan Harapan lebih tajam di dalam gelanggang - serang-menyenang antara kem Rafizi dan kem Azmin dalam pemilihan PKR hingga dakwaan campur tangan Tun M dan Daim Zainuddin; pendedahan terbuka Hishamuddin Rais tentang 'perang' antara Datin Dr Wan Azizah dengan Tun M ketika proses melantik Perdana Menteri dan Kabinet pada malam 9 dan 10 Mei; serta sokongan terbuka Nurul Izzah dan Saifuddin Nasution (seorang menteri) kepada lawan politik menteri yang lain (Azmin Ali).

Malah, agenda Reformasi yang menjadi teras utama PKR kini menjadi perhatian - dengan Nurul Izzah antara yang paling lantang mempersoalkan pengguguran kes-kes berprofil tinggi yang melibatkan pemimpin Pakatan seperti Lim Guan Eng serta pelantikan bekas Ketua Polis Negara Rahim Noor yang bertanggungjawab menyalah guna kuasa membelasah Anwar Ibrahim

sebagai fasilitator rundingan damai Selatan Thai.

Anwar sendiri ingin segera masuk ke Parlimen dan menjadi pemantau kerajaan - bahkan bersedia untuk 'bersama' dengan pembangkang demi menegakkan agenda Reformasi.

Seluruh rakyat Indonesia mengetahui apa yang terjadi akhirnya pada nasib pakatan politik Sukarno. Pada 30 September 1965 Komunis dituduh cuba merampas kuasa, maka Order Baru tertegak dengan tentera yang diketuai sahabat Sukarno sendiri - Jeneral Suharto - naik ke tampuk kuasa dengan tidak kurang 400,000 orang yang dikaitkan dengan Komunis dihapuskan. Inflasi setinggi 650% mengiringi perjalanan akhir Sukarno.

Tanpa usaha serius untuk meredakan ketegangan dalam Pakatan Harapan - di samping penegakan agenda Reformasi - tidak mustahil keruntuhan pakatan politik seperti mana di Indonesia pada 1965 boleh berlaku di Malaysia 2018.

**Penulis ialah Pensyarah Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia*